



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO
TARIKH	:	1/9/2021 (RABU)
JABATAN	:	JMG

Jabatan Mineral dan Geosains kenal pasti 47 lokasi bencana geologi

**Kosmo, 1 Sept
2021_16**

Peta zon risiko di Gunung Jerai

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) akan mengeluarkan peta zon berisiko termasuk kawasan bahanaya di lokasi terjejas aliran puing di Gunung Jerai dalam kejadian pada 18 Ogos lalu.

Pengarah JMG Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, Abdullah Sulaiman memberitahu, peta hasil kajian itu akan dikeluarkan selepas siasatan dan kajian geologi di lokasi kejadian selesai.

"Peta itu akan melibatkan pengezonan kawasan seperti zon bahanaya dan zon kawalan yang mana JMG akan menasihatkan semua pihak berkaitan termasuk kerajaan negeri berdasarkan pemetaan zon tersebut," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini semalam.

Kata beliau, zon bahanaya adalah kawasan punca kejadian

melibatkan lokasi tanah runtuh yang berlaku di kawasan cerun Gunung Jerai, manakala zon kawalan terletak di kawasan berhampiran.

"Setakat ini, kita mengenal pasti sebanyak 47 lokasi bencana geologi tanah runtuh di seluruh kawasan Gunung Jerai," ujarnya.

Menurut Abdullah, hasil kajian juga akan dilakukan bersama pihak berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perhutanan serta pihak kerajaan negeri untuk membuat keputusan berhubung lokasi berisiko terlibat," jelasnya.


Ujarnya, buat masa ini, semua pusat peranginan yang terjejas seperti Air Terjun Titi Hayun, Seri Perigi dan Batu Hampar di

Yan serta Tupah di Kuala Muda ditutup.

Tambahnya, kebanyakan kawasan kampung yang terjejas dikategorikan sebagai zon impak, bukan zon bahanaya kerana tidak melibatkan sebarang runtuh tanah, sebaliknya hanya berlaku banjir kilat berlumpur.

"Walau bagaimapun, bagi penduduk yang tinggal di cerun, mereka dinasihatkan supaya berhati-hati dan berwaspada sekiranya melihat tanda-tanda seperti runtuh tanah atau pergerakan tanah sehingga menyebabkan pokok menjadi condong atau sebagainya," katanya.

Kosmo! pada kelmarin melaporkan JMG tidak mengesan sebarang tanda atau bukti terdapat halangan yang membentuk empangan semula jadi di puncak Gunung Jerai sebelum berlakunya runtuh tanah seterusnya aliran puing pada 18 Ogos lalu.



ABDULLAH memegang peta kawasan Gunung Jerai yang dikelaskan sebagai zon bahanaya dan amaran ketika ditemui di Alor Setar semalam.